

**BINAAN MODUL PENGAJARAN-PEMBELAJARAN
SOMPOTON SANDAD
(ALAT MUZIK TRADISIONAL MASYARAKAT
KADAZANDUSUN, SABAH)**

Elvin Dainal

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah
elvindainal@yahoo.com*

Abstrak

Pada masa lalu, alat muzik tradisional *sompoton sandad* telah dimainkan oleh masyarakat Kadazandusun sebagai simbol perpaduan semasa *karamaian* (perayaan) untuk mengiringi tarian Sumazau. Walau bagaimanapun, kesedaran tentang pengajaran-pembelajaran alat muzik tradisional kaum Kadazandusun dalam kalangan generasi muda pada masa kini kurang dipraktikkan. Tambahan pula, generasi muda mudah dipengaruhi untuk belajar dan bermain alat muzik Barat. Objektif utama kajian ini adalah untuk membina modul sebagai penambahbaikan kepada pengajaran-pembelajaran untuk alat muzik *sompoton sandad*. Metodologi yang digunakan adalah menerusi analisis kaedah dan pendekatan sedia ada dan menjalankan eksperimen untuk melihat sejauh mana keberkesanan binaan modul oleh pengkaji ini terhadap responden. Hasil dapatan pengkaji mendapati bahawa modul yang dibina oleh pengkaji lebih efektif dalam pengajaran-pembelajaran *sompoton sandad* termasuk pembaharuan sistem muzik bernombor, memperkenalkan teori muzik asas, latihan muzik ringkas (*Etudes*), rekod prestasi mingguan dan bermain pelbagai lagu-lagu tradisional Kadazandusun yang ditulis dalam bentuk skor.

Kata kunci : *Sompoton sandad*, modul pengajaran-pembelajaran, alat muzik tradisional Kadazandusun, notasi bernombor.

Abstract

In the past, the traditional music instrument sompoton sandad was played by the Kadazandusun community as a symbol of unity during karamaian (festival), to accompany Sumazau dance. However, the awareness of teaching-learning the traditional Kadazandusun musical instrument of Sompoton Sandad among the young generation nowadays is lacked. Thus, the young generation are influenced more to learn and playing western musical instrument. The main objective of this research is to develop a module as

to improve the teaching-learning process for the musical instrument of Sompoton Sandad. The methodology in this paper is to analyze the current teaching-learning model and conduct an experiment to see the effectiveness of the developed module to the respondent. The finding shows that the module develop by the researcher is more effective in teaching-learning of Sompoton Sandad including the standard music numbering system (chipper notation), the introduction of fundamental music theory, the etudes practice goal, weekly progress record, and play various traditional Kadazandusun song numbers that is written in skor.

Keywords: *Sompoton sandad, teaching-learning module, Kadazandusun traditional music instrument, chipper notation.*


Pengenalan

Pada masa lalu, alat muzik tradisional *sompoton sandad* biasanya dimainkan oleh masyarakat *Kadazandusun* sebagai hiburan diri sendiri, persembahan semasa majlis perkahwinan, *karamaian* (perayaan) dan juga untuk mengiringi tarian *Sumazau* (Pugh-Kitingan, 2004:34; Ramin, 2003:1; Juie, 2011). Proses pengajaran-pembelajaran alat muzik ini diturunkan kepada generasi muda melalui lisan dan praktikal daripada pakar pemain *sompoton sandad*. Walau bagaimanapun, kesedaran tentang pentingnya alat muzik tradisional masyarakat *Kadazandusun* di kalangan generasi muda pada masa kini kurang dipraktikkan kerana kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan kurang berkesan (Gantal, 2013). Tambahan pula, generasi muda lebih didedahkan dan dipengaruhi untuk belajar dan bermain alat muzik barat seperti gitar, piano, biola, drum dan sebagainya. Penelitian tentang kaedah pengajaran-pembelajaran alat muzik ini perlu dikaji semula dan seterusnya ditambahbaik agar dapat digunakan untuk mengajar sesuai bagi golongan peringkat muda hingga dewasa dalam kalangan masyarakat *Kadazandusun* dan juga kepada mereka yang berminat untuk mempelajari alat muzik ini.

Alat Muzik Sompoton Sandad

Sompoton merupakan alat muzik tradisional *Kadazandusun* dari kategori erofon yang bunyinya dihasilkan melalui hembusan atau tiupan. Perkataan

sandad bermaksud asli/asal (Ree John, 2015). Alat ini yang dikenali sebagai ‘organ mulut’ dalam kalangan masyarakat Kadazandusun terdiri daripada gabungan lapan batang buluh jenis *sumbiling* dan dimasukkan ke dalam buah labu (*kurobu*), dan dilekatkan menggunakan *sopinit*, diambil daripada sarang madu lebah (Pugh-Kitingan, 2004; Ramin, 2003).



Rajah 1 Struktur *sompoton sandad* (koleksi pengkaji)

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis dan membuat perbandingan kaedah dan pendekatan sedia ada oleh dua orang tenaga pengajar alat muzik *sompoton sandad* dan kemudian pengkaji membina modul sebagai penambahbaikan kepada pengajaran-pembelajaran untuk alat muzik *sompoton sandad*.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dan membuat perbandingan kaedah dan pendekatan dalam proses pengajaran-pembelajaran alat muzik *sompoton sandad* oleh dua orang pengajar sedia ada. Kedua-dua orang pengajar ini dipilih berdasarkan kaedah mereka yang yang berlainan, iaitu kaedah pengajar pertama menggunakan sistem notasi Barat dalam penyampaian pengajaran-pembelajaran, manakala pengajar kedua menggunakan kaedah secara lisan-praktikal yang diajarkan secara turun-temurun oleh keluarganya. Setelah kaedah dan pendekatan daripada dua orang pengajar ini dianalisis, pengkaji akan membina modul yang difikirkan lebih efektif. Modul pengkaji kemudian digunakan di '*field work*' atau kerja lapangan di mana pengkaji mengambil sepuluh orang individu (dipilih berdasarkan minat untuk mempelajari alat muzik ini) yang tidak mempunyai asas permainan alat muzik *sompoton sandad*. Mereka adalah terdiri daripada remaja yang berumur antara 15 – 25 tahun dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Ranau. Ujian ini dilakukan selama empat minggu mengikut jadual mingguan (lihat Rajah 26). Sesi pembelajaran dibuat selama sejam setiap minggu pada hari pertama, manakala enam hari seterusnya pelajar diminta untuk berlatih sejam sekurang-kurangnya secara individu di rumah masing-masing. Selepas tempoh empat minggu tamat, kesemua pelajar akan mempersembahkan satu lagu semasa resital akhir pada penutupan sesi pembelajaran. Resital ini bertujuan untuk menilai keputusan pencapaian responden dan juga untuk mengetahui keberkesanan modul tersebut.

Definisi Konsep


Pengajaran adalah satu proses penyampaian ilmu pengetahuan dan merupakan aktiviti intelek. Menurut Wittrock (1979), pengajaran boleh diertikan sebagai aktiviti yang melibatkan proses merangsang pelajar untuk membina maksud atau erti berdasarkan pengalamannya dan bukan merangsang untuk mengeluarkan semula pengetahuan orang lain. Pengajaran juga adalah sebagai set tatacara luaran ataupun susunan maklumat bagi memudahkan dan seterusnya mencapai hasil pembelajaran (Gagne, 1985; Heinich *et al.*, 1996). Menurut Woolfolk (1980), pembelajaran adalah sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan

baharu atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas baru. Ia juga melibatkan perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan (Gagne, 1970).

Modul pembelajaran merupakan satuan program belajar mengajar terkecil yang dipelajari oleh siswa sendiri secara perseorangan atau diajarkan oleh siswa kepada dirinya sendiri (*self-instructional*) (Winkel, 2009). Vembriarto (1987) menyatakan bahawa modul pembelajaran adalah suatu paket pengajaran yang memuat satu unit konsep daripada bahan pelajaran. Pengajaran modul merupakan usaha penyelenggaraan pengajaran individual yang memungkinkan individu menguasai satu unit bahan pelajaran sebelum dia beralih kepada unit berikutnya. Berdasarkan beberapa pengertian modul di atas, maka dapat disimpulkan bahawa modul pembelajaran adalah salah satu bentuk bahan ajar yang dikemas secara sistematis dan menarik sehingga mudah dipelajari secara mandiri, iaitu mampu melakukan sesuatu tanpa bantuan orang lain.

Kaedah Pengajaran Suzuki

Kajian ini menggunakan kaedah pengajaran Suzuki atau dikenali juga sebagai *The Mother Tongue Approach* yang diperkenalkan oleh Dr. Shinichi Suzuki (1898–1998) pada tahun 1964. Menurut Suzuki, kebolehan muzik bukan satu bakat semula jadi tetapi satu kebolehan yang boleh dikembangkan melalui latihan atau didikan yang betul. Kanak-kanak dapat dipupuk melalui pembelajaran muzik bersistematik, iaitu dengan menekankan pendengaran, peniruan dan bermain muzik dalam kumpulan. Dalam sistem imitasi, murid-murid akan belajar bagaimana melihat, mendengar dan menghafal skor-skor muzik. Sementara itu, pengulangan (*repetition*) memerlukan murid-murid memainkan semula skor-skor lagu yang telah dipelajari pada peringkat awal agar tidak melupakan sahaja lagu-lagu yang telah dipelajari dahulu. Dalam konteks ini, peranan ibu bapa sangat penting untuk memastikan prestasi anak mereka sentiasa meningkat, termasuklah menghadiri setiap pelajaran dengan pelajar, mengambil nota dan kemudian membimbing mereka (*home teacher*) semasa membuat latihan di rumah.




Rajah 2 Teori Pendekatan Suzuki

Perbandingan Kaedah dan Pendekatan oleh Dua Pengajar Sedia Ada

Kaedah dan Pendekatan oleh Ramin Masidin

Saudara Ramin mengaplikasikan sistem notasi Barat dalam pendekatan pengajarannya. Sebelum memulakan sesi pembelajaran *Sompoton*, beliau memperkenalkan asal usul alat muzik *sompoton* dan menerangkan struktur yang ada pada alat muzik ini. Kemudian, beliau menjelaskan cara bermain *Sompoton* yang merangkumi posisi dan teknik yang betul. Untuk penjarian, Saudara Ramin menggunakan gambar rajah untuk menjelaskan setiap penjarian yang ada pada alat muzik ini (lihat Rajah 3).



Rajah 3 Penjarian dan notasi alat muzik *sompoton* oleh Ramin

Selepas menjelaskan ketujuh-tujuh penjarian, satu jadual ringkas disertakan untuk pelajar lebih memahami bagaimana penjarian dilakukan seperti dalam Rajah 4. Bulatan putih bermaksud lubang pada alat muzik *sompoton* dibiarkan terbuka, sementara bulatan berwarna hitam pula bermaksud lubang pada *Sompoton* harus ditutup dengan jari untuk menghasilkan bunyi nada.


○-Buka ●-Tutup

No.	Nada	Dikawal menggunakan tangan kiri		Dikawal menggunakan tangan kanan			
		1	2	5	6	4	3
1	G (so)	○	○	○	●	●	●
2	A (la)	●	○	○	●	●	●
3	C (do)	○	●	○	●	●	●
4	D (re)	○	○	○	●	●	○
5	E (mi)	○	○	○	●	○	●
6	G oktaf (so)	○	○	○	○	●	●
7	A oktaf (la)	○	○	○	●	○	○

Rajah 4 Penjarian *sompoton sandad* oleh Ramin

Saudara Ramin juga mengajar tentang asas-asas muzik teori Barat termasuk semibrif, minim, krocet, kuaver, dan juga tanda rehat untuk semua jenis not ini. Setiap bunyi nada yang dibunyikan dalam alat muzik *Sompoton* akan diwakili oleh satu not dalam penulisan teori muzik Barat (lihat Rajah 5). Kedudukan notasi ini harus difahami dan dihafal untuk memainkan lagu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6, iaitu contoh lagu yang ditulis dalam sistem notasi muzik Barat.

SO	LA	DO	RE	MI	SO	LA
G	A	C	D	E	G	A



Rajah 5 Analisis notasi muzik barat (semibrif) untuk *sompoton sandad* oleh Ramin




Rajah 6 Lagu *Pensiangan* oleh Ramin

Kaedah dan Pendekatan oleh Juie Maikon

Menurut Saudara Juie, pengetahuan beliau dalam permainan alat-alat muzik tradisional termasuk *Sompoton* ini adalah warisan daripada keluarga beliau sendiri yang diturunkan secara tidak formal dalam bentuk lisan dan praktikal. Semasa sesi pembelajaran, pengajar menyampaikan maklumat melalui kata-kata dan diterima langsung oleh pelajar. Kemudian, pemain akan terus melakukan praktikal, termasuk latihan penjarian dan memainkan lagu. Pada tahun 2011, pengkaji telah menyertai Bengkel Bermain Sompoton yang dikendalikan oleh Saudara Juie di bawah kelolaan Kadazandusun Language Centre (KDLC). Berikut merupakan kaedah dan pendekatan yang diajar oleh Saudara Juie. Pertama, sesi pengenalan dimulakan meliputi pengenalan asas

struktur *sompoton*, jenis – jenis *Sompoton* yang berlainan kata kunci tonik dan menunjukkan carta kedudukan jari. Alat muzik *Sompoton* mempunyai tujuh nada dengan setiap tangga nada dinamakan DO RE MI SO LA TI DO (lihat Rajah 7).



Rajah 7 Pengenalan kepada tujuh nada pada *sompoton* oleh Juie (koleksi pengkaji)

Setiap nada ini akan mempunyai penjarian tersendiri (lihat Rajah 8). Oleh itu, pelajar perlu memahami penjarian yang dilakukan untuk menghasilkan bunyi mengikut kod yang disediakan. Setelah memahami cara penjarian dilakukan, pelajar sudah boleh memainkan lagu.

PANDUAN KEDUDUKAN JARI		
KOD	KIRI	KANAN
DO	○ ○ ○	● ● ● ●
RE	○ ● ○	● ● ● ●
MI	● ○ ○	● ● ● ●
SO	○ ○ ○	● ● ● ○
LA	○ ○ ○	● ● ○ ●
TI	○ ○ ○	● ○ ● ●
DO	○ ○ ●	● ● ● ●

Rajah 8 Carta penjarian mengikut *solfage* oleh Juie (koleksi pengkaji)

Mengikuti Saudara Juie, setiap nama nada mempunyai sistem nombor iaitu DO (1), RE (2), MI (3), SO (4), LA (5), TI (6) dan DO (7). Maka, pelajar perlu menghafal nombor setiap nada itu untuk memainkan lagu (lihat Rajah 9).

Rangkap:		
12354	53121355	
5545	34434	2112343
Korus:		
2332344	35434	
5545	34434	2112343

Rajah 9 Skor muzik *Kasakazan Do Bambaazon* oleh Juie

Binaan Modul Pengajaran - Pembelajaran *Sompoton Sandad*

Pengkaji telah memikirkan tentang satu kaedah dan pendekatan yang efektif untuk digunakan dalam proses pengajaran-pembelajaran alat muzik *Sompoton Sandad* ini. Berikut merupakan modul yang dibina oleh pengkaji. Modul-modul ini adalah ilham daripada kaedah pengajaran Suzuki.

Pendedahan Awal:

Modul 1 - Pengetahuan Alat Muzik *Sompoton Sandad*

Secara asasnya, pengajar memberi pengenalan kepada pelajar tentang asal usul *Sompoton Sandad*, struktur rupa bentuk alat muzik ini.

a) *Sompoton* ialah sejenis alat muzik aerofon, iaitu alat muzik tradisional oleh masyarakat Kadazandusun yang dihasilkan melalui tiupan. *Sandad* pula bermaksud asal/asli. Oleh itu, *Sompoton Sandad* membawa maksud alat muzik aerofon (bertiup) yang asal/asli.

b) *Sompoton Sandad* biasanya dimainkan oleh masyarakat Kadazandusun sebagai hiburan diri sendiri, persembahan semasa majlis perkahwinan, *karamaian* (perayaan) dan juga untuk mengiringi tarian Sumazau.

Meniru:

Modul 2 - Posisi Meniup *Sompoton Sandad*

Tangan kanan memegang batang buluh untuk penjarian atas, sementara tangan kiri memegang *kurobu* untuk penjarian bawah. Alat ini boleh dimainkan

secara berdiri ataupun duduk mengikut kesesuaian aktiviti. Untuk hiburan individu sendiri, biasanya *sompoton* dimainkan secara duduk, manakala semasa membuat persembahan pentas, biasanya dimainkan secara berdiri secara solo atau berkumpulan. Ketika mengiringi tarian Sumazau, pemain biasanya turut mengikut rentak tarian agar kesemua pemain dan penari dapat bersatu menghasilkan persembahan yang menarik.



Rajah 10 Posisi meniup *sompoton sandad*. (Koleksi pengkaji)

Aktiviti Sebelum Not:

Modul 3 - Teknik Meniup


Alat muzik *sompoton sandad* mempunyai keunikan yang tersendiri. Ia boleh dibunyikan dengan dua teknik tiupan, iaitu dengan meniup udara keluar daripada *kurobu* atau secara menyedut udara masuk ke dalam *kurobu*.



Rajah 11 Cara meniup dan menyedut udara ketika bermain *sompoton sandad*
Sumber Google


Aktiviti Sebelum Not:

Modul 4 - Carta Penjarian *Sompoton Sandad*



Rajah 12 Carta penjarian *sompoton sandad* mengikut skala Pentatonik

Sompoton sandad merupakan salah satu alat yang menggunakan skala major pentatonik dengan tambahan dua lagi notasi di oktaf bawah. Setiap *sompoton sandad* cuma dapat memainkan lagu dalam satu kunci tonik sahaja dan tidak dapat bertukar kepada kata kunci tonik yang lain. Biasanya, *sompoton sandad* dibuat dalam kunci tonik Bb Major. Namun, pada masa kini *Sompoton Sandad* juga dibuat dalam pelbagai kunci tonik seperti dalam kunci F Major, G Major dan juga C Major. Dalam modul ini, pembelajaran hanya berfokus kepada cara penjarian dilakukan untuk menghasilkan bunyi SO – LA – DO – RE – MI – SO – LA.



Rajah 13 Nada *sompoton sandad* Bb pada keyboard


Aktiviti Sebelum Not:

Modul 5 - Asas Teori Muzik *Sompoton Sandad*

Muzik teori boleh diibaratkan sebagai bahasa. Tanpa bahasa yang betul dan jelas, kita tidak mampu menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan orang lain. Oleh itu, muzik teori secara amnya membolehkan pemuzik menjadi lebih peka dan membolehkan mereka menginterpretasikan persembahan setiap karya yang dicipta dengan baik kepada pendengar (Wiederkehr, 2015; Hammer, 2017). Asas muzik teori yang digunakan pengkaji adalah asas

daripada teori muzik Barat, tetapi menggunakan *Chiper Notation* (sistem bernombor) sebagai rujukan penjarian *sompoton sandad* ini.

(a) Bar/Garis Bar



Rajah 14 Bar/Garis bar untuk pecahan nota muzik sama rata

Bar ialah pengelompokan sukatan dalam hitungan genap atau ganjil. Terdapat tiga jenis garis bar yang digunakan dalam muzik, iaitu garis bar, garis bar berganda peralihan dan garis bar berganda tamat. Garis bar bermaksud garis vertikal pemisah antara bar. Garis bar berganda peralihan pula ialah kembar dua garis vertikal yang terletak di belakang bar yang digunakan untuk peralihan *form*, iaitu pecahan kecil struktur muzik dalam satu komposisi muzik (contohnya *Form A* ke *Form B*). Garis berganda tamat pula menandakan bahawa lagu telah tamat dan permainan dihentikan.




Rajah 15 Contoh penggunaan garis bar berganda peralihan

Perbezaan antara *form A* dan *form B* adalah dari melodi dan harmoni lengkap yang berlainan. Dalam lagu yang mempunyai lirik, *form A* dianggap sebagai rangkap lagu, manakala *form B* pula dianggap sebagai korus lagu.


(b) Simbol Bar Ulang

Simbol ini bertujuan untuk mengulang kembali bahagian yang tertentu dalam lagu.



Rajah 16 Simbol bar ulang

Cara aplikasi bar ulang adalah seperti berikut: Pemain akan membaca skor di bahagian 1 dahulu dan mengulang kembali permainan di simbol bar ulang. Kemudian, permainan diteruskan dan terus masuk ke bahagian 2 tanpa mengulangi bahagian 1.




Rajah 17 Cara aplikasi simbol bar ulang

(c) Meter/Tanda Masa

Meter atau tanda masa ialah kiraan masa dalam muzik. Ia dikumpulkan dalam kumpulan 2, 3, 4 atau seterusnya. Terdapat pelbagai bacaan masa dalam muzik yang biasanya jumlah detik itu adalah sama banyak dalam setiap bar. Nilai angka di atas mewakili bilangan detik dalam satu bar, manakala nilai di bawah mewakili jenis detik yang digunakan. Untuk skor *Sompoton Sandad*, pengkaji menggunakan satu jenis detik sahaja pada sebelah bawah, iaitu empat (4) yang mewakili kroket dalam notasi muzik barat. Maksudnya, setiap detik bernilai satu.

Contoh 1



Rajah 18 Tanda masa 2/4 dalam skor mengikut sistem Barat

Sekiranya tanda masa adalah 2/4, maka kiraan dalam satu bar adalah dua detik. Oleh itu, kiraan masa untuk meter dalam muzik 2/4 ialah 1 – 2, 1 – 2, dan seterusnya.

Contoh 2



Contoh 3



Rajah 19 Tanda masa 3/4 dan 4/4 dalam skor mengikut sistem Barat

Begitu juga untuk tanda masa lain seperti 3/4, kiraan dalam satu bar ialah tiga dan tanda masa 4/4 ialah empat. Untuk kiraan masa 3/4, kiraan masa untuk meter dalam muzik 3/4 ialah 1 – 2 – 3, 1 – 2 – 3, dan seterusnya. Untuk kiraan masa 4/4, kiraan masa untuk meter dalam muzik 4/4 ialah 1 – 2 – 3 – 4, 1 – 2 – 3 – 4, dan seterusnya.

(d) *Nilai Kiraan Not dalam Skor Sompoton*



Rajah 20 Contoh kiraan not dalam skor *sompoton sandad* menggunakan Penjarian 3.

Dalam sistem notasi Barat, bar yang pertama adalah kiraan semibrif, bar kedua ialah kiraan minim, bar ketiga ialah kiraan krocet dan bar terakhir ialah kiraan kuaver. Cara pengiraan nilai not ini dapat juga diaplikasikan dalam permainan muzik *sompoton sandad*. Sebagai contoh Rajah 10, dengan menggunakan penjarian 3, nilai pada bar pertama adalah sebanyak 4 detik yang mana bunyi tiupan *Sompoton Sandad* itu akan berhenti selepas detik ke-4. Bermakna, tiupan untuk bar pertama adalah sebanyak satu kali sahaja tetapi nilai detiknya adalah panjang. Di bar kedua, setiap tiupan itu bernilai 2. Bermaksud, cara meniup dengan kiraannya ialah meniup pada detik pertama dan berhenti selepas kiraan detik kedua. Dalam bar ini cuma dibunyikan sebanyak dua kali cara. Untuk bar ketiga, setiap tiupan itu bernilai satu, dan terdapat empat kali tiupan. Pada bar keempat pula, pecahan nilai adalah semakin kecil dan tiupan menjadi semakin cepat. Setiap detik dibunyikan

sebanyak dua kali. Untuk 4 detik, *Sompoton Sandad* akan dibunyikan sebanyak 8 kali.

(e) *Tanda Rehat*

Tanda rehat bermaksud rehat atau tidak memainkan sebarang not dalam skor tersebut. Lihat contoh pada Rajah 16. Di bar pertama, tanda rehat pada detik keempat menunjukkan tanda rehat bernilai satu. Maksudnya, muzik dimainkan pada detik satu, dua dan tiga, manakala pada detik keempat, tidak ada sebarang bunyi dihasilkan. Di bar kedua, nilai tanda rehat adalah sebanyak dua detik. Di bar ketiga pula, dalam bar tersebut tanda rehat bernilai empat detik. Maka, pemain cuma hanya perlu mengira tetapi tidak membunyikan sebarang not.

Rajah 21 Cara tanda rehat dalam skor *sompoton sandad*

Amalan Harian dan Mendengar/Kajian Semula:

Modul 6 - Latihan Penjarian dan Muzik Ringkas

Etudes seperti di bawah bertujuan untuk fokus kepada penjarian dan latihan kiraan. Setelah menguasai latihan-latihan sebegini, maka pelajar sudah mempunyai asas yang cukup untuk bermain lagu. Contoh *Etude* ini diambil daripada buku yang ditulis oleh pengkaji sendiri dalam bukunya *Mari Belajar Sompoton Vol.1*. Nombor dalam bar menunjukkan jenis penjarian dalam *sompoton sandad*.

Etude 1a

Etude 1b

Rajah 22 Sebahagian latihan ringkas (*Etude 1a & 1b*)

Etude 2a

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] 1 - 1 - \mid 2 - 2 - \mid 1 - - \acute{\times} \parallel$$

Etude 2b

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] 1 1 2 - \mid 1 1 2 - \mid 1 2 1 - \parallel$$

Rajah 23 Sebahagian latihan ringkas (*Etude 2a & 2b*)

Etude 3a

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] 3 \acute{5} \acute{6} - \mid \acute{6} \acute{5} 3 - \mid \acute{5} \acute{6} 3 \acute{\times} \parallel$$

Etude 3b

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] \underline{33} \acute{5} \acute{6} - \mid 3 \underline{\acute{5}\acute{5}} \acute{6} - \mid 3 \acute{5} \underline{\acute{6}\acute{6}} 3 \parallel$$

Rajah 24 Sebahagian latihan ringkas (*Etude 3a & 3b*)

Etude 4a

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] 5 6 1 2 \mid 3 \acute{5} \acute{6} \acute{\times} \mid \acute{6} \acute{5} 3 2 \mid 1 6 5 \acute{\times} \parallel$$

Etude 4b

$$\left[\begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right] 5 1 6 2 \mid 1 3 2 \acute{5} \mid \acute{6} \text{ ——— } \mid$$

$$\mid \acute{6} 3 \acute{5} 2 \mid 3 1 2 6 \mid 5 \text{ ——— } \parallel$$

Rajah 25 Sebahagian latihan ringkas (*Etude 4a & 4b*)

Kajian Semula:

Modul 7 - Rekod Mingguan Prestasi Pelajar

Pemantauan rekod aktiviti pelajar harus dilakukan agar pengajar dan pelajar dapat memantau prestasi pencapaian pelajar tersebut. Masa minimum untuk pelajar menguasai permainan *sompoton sandad* adalah dalam masa empat minggu. Pada minggu pertama, pelajar hanya akan memfokus kepada penjarian 5 dan 6 bawah, diikuti oleh *Etude 1*. Kemudian, minggu kedua akan fokus kepada penjarian 1 dan 2, diikuti oleh *Etude 2*. Penjarian 3, 5 dan 6 atas mula diajar pada minggu ketiga berserta dengan *Etude 3* dan minggu terakhir untuk *Etude 4* dan memainkan lagu-lagu.

Tarikh	Hari	Masa (30min-1jam)	Topik	Komen
Minggu 1				
			Pengenalan Penjarian 5	
			Penjarian 6	
			Etude 1	
Minggu 2				
			Penjarian 1	
			Penjarian 2	
			Etude 2	
Minggu 3				
			Penjarian 3	
			Penjarian 5 & 6	
			Etude 3	
Minggu 4				
			Etude 4	
			Lagu Persembahan 1 Lagu Persembahan 2 <i>(Buku Mari Belajar Sompoton 2)</i>	
			Lagu Persembahan 3 Lagu persembahan 4 <i>(Buku Mari Belajar Sompoton 2)</i>	

Rajah 26 Borang prestasi untuk kemajuan pelajar

Penguatan Tambahan:

Modul 8 - Lagu Tradisional *Kadazandusun*

Sompoton sandad hanya boleh memainkan lagu-lagu yang dicipta menggunakan skala pentatonik sahaja kerana analisis nada alat ini hanya untuk SO LA DO RE MI SO LA. Kebanyakan lagu tradisional Kadazandusun juga banyak menggunakan skala pentatonik dalam gubahan melodinya. Contoh lagu yang biasa dimainkan adalah lagu *Kasakazan Do Bambaazon*, *Pensiangan*, *Sayang Kinabalu*, *Tanak Kampung* dan sebagainya.

Tempo: 80

\triangle
Bb

$\left| \begin{array}{c} 2 \\ 4 \end{array} \right|$ $\underline{11}$ $\underline{12}$ | $\underline{33}$ 3 | $\overset{F}{\underline{21}}$ $\underline{23}$ |

Bb

| 1 5 | $\underline{11}$ $\underline{12}$ | $\underline{33}$ 3 |

$\overset{F}{\underline{21}}$ $\underline{23}$ | $\overset{Bb}{1}$ 1 | 1 $\underline{11}$ |

| 5 $\underline{12}$ | $\overset{F}{\underline{32}}$ $\underline{32}$ | $\overset{Bb}{1}$ - ||

Rajah 27 Lagu *Tetutup Itu Bunga, Tebuka Itu Bunga* (Lagu rakyat Sabah)

Tempo: 100

\triangle
Bb

$\left| \begin{array}{c} 4 \\ 4 \end{array} \right|$ 5 6 1 3 | $\overset{Cm}{2}$ $\underline{-3}$ 1 6 | $\overset{F}{5}$ $\underline{-6}$ 1 3 |

$\overset{Bb}{3}$ ——— | $\overset{Cm}{3}$ 3 $\underline{23}$ $\underline{-1}$ | $\overset{Cm}{2}$ 2 $\underline{12}$ $\underline{-6}$ |

$\overset{F}{5}$ $\underline{56}$ 1 2 | $\overset{Bb}{1}$ ——— || $\overset{B}{6}$ 1 1 $\underline{76}$ |

$\overset{F}{1}$ 2 2 - | $\overset{Bb}{1}$ 3 2 1 | $\overset{Cm}{2}$ $\overset{F}{}$ ——— |

$\overset{Bb}{3}$ 3 $\underline{23}$ $\underline{-1}$ | $\overset{Cm}{2}$ 2 $\underline{12}$ $\underline{-6}$ | $\overset{F}{5}$ $\underline{56}$ 1 2 |

$\overset{Bb}{1}$ ——— ||

Rajah 28 Lagu *Kasakazan Do Bambaazon*

Keputusan Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa kesemua sepuluh orang pelajar yang diuji mampu mempelajari alat muzik ini dengan cemerlang dan masing-masing dapat mempersembahkan satu lagu pada resital akhir sesi pembelajaran. Modul pengajaran-pembelajaran oleh pengkaji telah dibahagikan kepada teori dan praktikal. Pada minggu pertama, kesemua pelajar telah dapat memahami teori termasuk asal usul, struktur alat muzik dan juga mempelajari carta penjarian bernombor (*Chiper notation*). Pada minggu kedua hingga minggu keempat, sesi pembelajaran memfokuskan kepada aspek praktikal termasuk latihan penjarian dan *Etude*. Pengkaji mendapati bahawa setiap pelajar menunjukkan prestasi yang berbeza-beza. Hal ini dipengaruhi oleh faktor kekerapan semasa membuat latihan individu di rumah masing-masing. Pelajar yang kerap membuat latihan setiap hari menunjukkan prestasi yang cepat dalam memainkan alat muzik ini, manakala pelajar yang kurang berlatih melambatkan prestasi penilaian mingguan mereka. Namun demikian, kesemua pelajar dapat menunjukkan minat, aktif dan dapat mengikuti modul pengajaran-pembelajaran dengan baik seperti yang dibina oleh pengkaji.



Rajah 29 Persembahan pentas selepas empat minggu sesi pembelajaran *sompoton sandad*

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini sedikit sebanyak telah dapat menambak kaedah dan pendekatan dalam proses pengajaran-pembelajaran alat muzik *sompoton sandad*. Pengenal modul yang dibuat dapat membantu proses pembelajaran dengan cepat dan efektif. Ia juga boleh digunakan untuk mereka yang mempunyai asas teori muzik Barat dan mereka yang berasaskan lisan dan praktikal sahaja. Pada masa kini, alat muzik *Sompoton* telah mengalami proses revolusi, iaitu terdapat beberapa pembuat *sompoton* di negeri Sabah telah menjadikan *Sompoton* ini membentuk skala muzik barat yang mempunyai lapan siri not, iaitu DO RE MI FA SO LA TI DO. Bermaksud, dahulunya *sompoton sandad* cuma dapat memainkan lagu-lagu yang dicipta dengan menggunakan skala major pentatonik sahaja. Namun, *Sompoton* pada masa kini sudah boleh memainkan lagu-lagu yang dicipta menggunakan skala major Barat. Alat muzik *sompoton* yang merupakan simbol kepada masyarakat Kadazandusun ini menjadi perhatian ramai pengajar untuk mempertahankan nilai estetikanya. Malius (2013) telah mencipta dan mengembangkan *sompoton* ini dan dinamakan sebagai *Iramaton* yang mempunyai 14 lubang lengkap. Kajian mengenai alat muzik tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah sesungguhnya masih belum diterokai secara meluas. Walaupun berlaku revolusi dalam penciptaan alat muzik tradisional ini, modul yang diperkenalkan oleh pengkaji dalam kajian ini mungkin boleh diaplikasikan kepada alat muzik tradisional masyarakat Kadazandusun yang lain seperti *Iramaton*. Apa yang penting adalah kesedaran kita untuk mengekalkan budaya muzik ini agar tidak pupus ditelan zaman dan perlu diwariskan kepada generasi akan datang.

Bibliografi

- Aziah Tajudin & Mohd. Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benward & Saker. (2003). *Music in theory and practice Vol. 1 (7th ed.)*. New York, USA: McGraw-Hill.
- Dainal, Elvin. (2015). *Mari belajar sompoton Vol 1*. Tamparuli, Sabah.
- Dainal, Elvin. (2015). *Mari belajar sompoton Vol 2*. Tamparuli, Sabah.
- Gagne, R. (1985). *The conditions of learning (4th.)*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

- Gagné, R. M. (1970). *The conditions of learning*.
- Gantal, Malius. (2013) *Temu ramah: Iramaton & teknik bermain sompoton*. Ranau, Sabah.
- Hammer, Micheal. (2017). Is music theory really necessary? Retrieved on June 21, 2017. <http://www.pianonoise.com/Article.Is%20Music%20Theory%20Really%20Necessary.htm>
- Heinich, Molenda & Rushell. (1996). *Instructional media and teachnologies for learning (5th ed.)*. New Jersey: Prentice- Hall Inc.
- Kadazandusun Language Centre (KDLC). (2011) *Bengkel Bermain Sompoton*. Kota Kinabalu, Sabah.
- Kamien, Roger. (2008). *Music: An appreciation (9th ed.)*. New York, United States: McGraw-Hill.
- Kheng, Loh Phaik. (1991). *A handbook of music theory (Grade 1 – 5)*. Pulau Pinang, Malaysia: Rhythm MP.
- Maikon, Juie. (2011). *Temu ramah bermain alat muzik sompoton*. Kg. Tikolod, Tambunan, Sabah.
- Masaran, Ramin. (2003). *Alat muzik sompoton negeri Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah.
- Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2004). *Selected papers on music in Sabah*. Kota Kinabalu: Kadazandusun Chair, Universiti Malaysia Sabah.
- Ree John. (2015). *Kamus Bahasa Dusun*. Tamparuli, Sabah.
- Suzuki Music. (2005) *History of Suzuki Method*. Suzuki Talent Education Association of Australia (Vic) Inc. Retrieved on August 16, 2017. <http://www.suzukimusic.org.au/suzuki.htm#history>
- Vembriarto, St. (1975). *pengantar pengajaran modul*. Yogyakarta.
- Wiederkehr, George A. (2015). *Master of Arts (Thesis): The role of music theory in music production and engineering*. Oregon, USA: School of Music and Dance, University of Oregon.
- Winkel. (2009). *Psikologi pengajaran*. Yogyakarta: Media Abadi.
- Wittrock, M.C. (1979). *Learning as a generative process. Educational Psychologist*.
- Woolfolk, A. E., & Nicolich, L. (1980). *Educational psychology for teachers*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.